



Malay

# menyelamatkan rumah anda dari kebakaran



# 1

## sebab-sebab biasa rumah terbakar



Dapur masak boleh menjadi punca utama kebakaran



Pastikan semua suis berada dalam keadaan baik

CFA melayan lebih daripada 1000 kebakaran rumah setiap tahun.

Kebanyakan kebakaran yang membawa maut berlaku di rumah kediaman, tetapi yang menyedihkan ialah bahawa kebanyakan kebakaran boleh dielakkan.

Sekelip mata lalai di dapur, alat elektrik yang rosak atau pakaian basah yang disidai terlalu dekat dengan alat pemanas, kesemuanya boleh membawa bencana, kerosakan besar pada rumah atau bahaya kepada keluarga.

Mujur ada beberapa perkara mudah yang boleh dilakukan untuk melindungi keluarga daripada bahaya api. Masa yang diluangkan untuk "memeriksa tempat-tempat 'panas'" di rumah, memastikan pengesan asap berada dalam keadaan baik dan menyediakan pelan menyelamatkan diri boleh memberi lebih peluang untuk mengelakkan kesan teruk kebakaran.

### Kebanyakan kebakaran di rumah bermula di dapur

- Dapur masak boleh menjadi punca utama kebakaran.
- Jangan ditinggalkan makanan yang sedang dimasak.
- Jangan dibiarkan dapur dan pemanggang berlumuran dengan minyak dan lemak.
- Jauhkan dapur dan pembakar roti dari kain pengelap dan langsir.
- Pakai baju berlengan tangan ketat apabila memasak.

### Kerosakan pendawaian mendatangkan bahaya

- Pastikan semua suis berada dalam keadaan baik. Jangan dibiarkan bahan penambat dawai-dawai elektrik tertanggal dan dawai terdedah.
- Gunakan juruelektrik berdaftar untuk membaiki kerosakan. Jangan dibuat sendiri.
- Jangan sekali-kali dibebankan poin kuasa elektrik. Penyesuai berganda yang lebih dari satu dan papan kuasa boleh membebankan poin kuasa.
- Jangan diletakkan kord pemanjang di bawah permaidani atau perabot.
- Pasang suis-suis keselamatan. Suis-suis ini akan memotong kuasa dengan serta-merta daripada papan suis jika ia mengesan pertambahan kuasa yang mendadak. Lihat laman web Energy Safe Victoria [www.esv.vic.gov.au](http://www.esv.vic.gov.au) untuk maklumat lanjut.

# 1

## sebab-sebab biasa rumah terbakar



Gunakan skrin di depan perapian terbuka



Jangan disidai pakaian dekat api atau pemanas

### Alat-alat elektrik

- Pastikan semua alat elektrik digunakan mengikut panduan pembuat.
- Pastikan alat-alat elektrik berada dalam keadaan baik. Jika anda merasa ragu panggil seorang juruelektrik berdaftar supaya memeriksa alat-alat itu, terutama jika alat-alat itu bukan baru.
- Gunakan seorang juruelektrik berdaftar untuk mengganti palam-palam dan kord alat.
- Tutup suis semua alat di poin kuasa semasa alat tidak digunakan.
- Jika api menyala, tutup suis di poin kuasa dengan serta merta atau dipapan kuasa jika tidak membahayakan.

### Selimut elektrik

- Jangan dipasang kuasa selimut elektrik semalaman atau sepanjang hari – pasang lebih-kurang 30 minit sebelum tidur.
- Ikut panduan pembuat tentang cara menyimpan selimut elektrik.
- Jangan letakkan barang yang berat di atas selimut elektrik yang dipasang. Ini termasuk binatang kesayangan.
- Jangan tidur di atas selimut elektrik yang dipasang.

### Merokok di atas katil

- Jangan sekali-kali merokok di atas katil.
- Api rokok boleh membara di atas cadal dan menyala semasa anda tidur.
- Pastikan puntung rokok dipadamkan sebelum dibuang.

### Mesin pengering pakaian

- Bersihkan kain tirus sesudah menggunakan mesin pengering pakaian.
- Biarkan kitaran menyejukkan alat selesai hingga akhir.

### Pemanas rumah

- Tutup alat pemanas sebelum anda tidur.
- Jangan letakkan kain baju terlalu dekat dengan alat pemanas.
- Pastikan alat pemanas dan serombong asap dipasang dan diselenggara oleh seorang profesional.
- Pastikan dinding dan lantai ditebat dari sumber-sumber haba dan alat pemanas dijauhkan dari bahan-bahan yang mudah terbakar.
- Berhati-hati di mana anda menempatkan alat pemanas mudah alih.
- Letakkan skrin di depan pengapian terbuka.
- Jangan dibiarkan api menyala semasa anda tidur atau keluar rumah. Pastikan abu benar-benar sejuk sebelum dibuang.
- Jangan dibiarkan anak-anak dekat api atau pemanas tanpa kehadiran seorang dewasa.

### Lilin dan penunu minyak

- Jauhkan lilin dari langsir dan lain-lain bahan yang mudah terbakar.
- Gunakan lilin di atas tempat yang tidak mudah terbakar.
- Pastikan anda menggunakan air bersama minyak di dalam mangkuk pemanas.



Bersihkan turas mesin pengering kain baju

# 2

## ajar anak-anak supaya berhati-hati apabila dekat api



Letakkan mancis api di tempat di mana anak-anak tidak mudah mengambilnya



Ajar anak-anak supaya menyerahkan mancis api kepada seorang dewasa

- Satu dari setiap empat kemalangan kanak-kanak melibatkan kebakaran.
- Simpan semua mancis api, pemetik api dan lilin di tempat di mana kanak-kanak tidak mudah mengambilnya.
- Gunakan pemetik api yang tidak mudah dinyalakan oleh kanak-kanak.
- Ajar anak-anak kecil supaya menyerahkan semua mancis api dan pemetik api kepada seorang dewasa.
- Pastikan anak-anak yang lebih besar faham bahawa mancis boleh digunakan hanya jika seorang dewasa ada bersama mereka.
- Ajar anak-anak supaya memanggil 000 dalam keadaan kecemasan.
- Didik anak-anak supaya mereka tahu bagaimana keluar dari rumah jika berlaku kebakaran.
- Jalankan latihan kebakaran selalu bersama anak-anak supaya mereka tahu dimana keluarga harus berkumpul sesudah keluar dari rumah.
- Ajar anak-anak supaya merangkak dan cepat bergerak jika ada asap di dalam rumah.\*
- Ajar anak-anak supaya berhenti, merebahkan badan dan bergolek-golek jika pakaian mereka terbakar.\*

\* Lihat Peraturan Menyelamatkan Diri Dari Kebakaran – Muka 10



Adakan latihan cara keluar menyelamatkan diri jika berlaku kebakaran

# 3

## pengesan asap berkeadaan baik menyelamatkan nyawa

### Banyak keluarga terselamat oleh sebab pengesan asap yang berkeadaan baik

Anda tidak boleh membau asap semasa tidur, maka pengesan asap adalah sistem amaran awal yang perlu untuk memberi amaran kepada anda dan keluarga tentang bahaya api dan asap.

Peraturan pembinaan mensyaratkan supaya setiap rumah di Victoria dipasang pengesan asap yang tertakluk kepada Standard Australia AS 3786. Rumah-rumah yang ada sekarang boleh memasang pengesan asap bateri, tetapi semua rumah baru mesti dipasang pengesan asap elektrik sebelum didiami. Pengesan elektrik masih memerlukan bateri untuk memberi bekalan kuasa bantuan.

Sungguhpun ada peraturan, penyelidikan mendapat kesan bahawa hanya 45% rumah-rumah yang pernah memanggil perkhidmatan bomba mempunyai pengesan asap, dan daripada bilangan tersebut 31% tidak berada dalam keadaan baik.

Anda boleh menjamin pengesan asap anda sentiasa memberi perlindungan kepada keluarga jika anda menentukan ia berada dalam keadaan baik.

- Uji alat setiap minggu. Gunakan hujung batang penyapu dan tekan butang ujian untuk memastikan ada bunyi bip.
- Sapu habuk dengan berus pembersih vakum.
- Ganti bateri sekurang-kurangnya sekali setahun. Untuk memudahkan anda mengingat, ganti bateri apabila anda menyesuaikan jam bagi 'jimat siang'.

Pengesan asap yang tidak dalam keadaan baik tidak berguna dan memberi perasaan selamat yang palsu.

### Buat pilihan yang bijak

Pengesan asap tidak mahal dan mudah dipasang. Apabila memilih pengesan asap untuk rumah anda, pastikan anda memilih alat yang memenuhi Standard Australia AS 3786.

Ada dua jenis pengesan asap – pengesan terion (ionization alarm) yang mengesan habuk-habuk asap yang sangat kecil, dan pengesan foto-elektrik yang lebih baru yang mengesan asap yang dapat dilihat. Penyelidikan menunjukkan bahawa walaupun kedua-dua jenis pengesan memberi penghuni rumah masa untuk menyelamatkan diri, pengesan foto-elektrik lebih baik untuk mengesan api yang membara di rumah.

- CFA ingin menggalakkan semua penghuni supaya memasang pengesan foto-elektrik sebagai tambahan kepada pengesan terion.

### Penting dipasang dengan betul

Untuk perlindungan minimum, pasang pengesan asap diluar setiap bilik atau ruang tidur di rumah anda. Jika anda tinggal di rumah yang bertingkat, pasang pengesan asap di setiap tingkat.

Adalah lebih baik jika semua pengesan asap berhubung antara satu dengan lain, supaya jika satu pengesan berbunyi yang lain juga akan berbunyi.

Rumah-rumah yang memiliki bahagian khas untuk anak-anak mesti menyediakan pengesan asap yang bersambung dengan pengesan asap yang berdekatan dengan bilik tidur seorang dewasa. Hasil penyelidikan menunjukkan bahawa 85% kanak-kanak yang tidur tidak terjaga walaupun pengesan asap berbunyi.

Adalah tanggungjawab seorang tuan rumah memastikan bahawa pengesan asap dipasang di rumah yang disewakan.


**Gambar rajah 1:** Pengesan asap di koridor



**Gambar rajah 2:** Bangunan kediaman dengan bilik-bilik tidur yang terpisah



**Gambar rajah 3:** Ruang angin mati dan lokasi pengesan asap yang betul pada dinding



Jarak di antara puncak siling katedral dengan bahagian atas pengesan asap mesti dari 500mm hingga 1500mm jauhnya



Uji pengesan asap setiap minggu



Sapu habuk pada pengesan asap dengan pembersih vakum

Ikut panduan pembuat apabila memasang pengesan asap.

- Di siling: Alat pengesan asap mesti ditempatkan di tengah-tengah siling. Jika tidak boleh ditempatkan di situ alat mesti ditempatkan 300 meter dari birai hias atau dinding.
- Di dinding: Alat pengesan asap mesti ditempatkan 500mm – 1500mm dari siling.
- Pada siling katedral atau siling bercerun: Alat pengesan asap mesti ditempatkan 500mm – 1500mm dari puncak siling.
- Elakkan angin: Jangan ditempatkan pengesan asap dekat tingkap, pintu atau salur udara oleh sebab angin boleh mengganggu keberkesanan alat.
- Elakkan ruang-ruang angin mati (dead air space). Ruang angin mati ialah tempat di mana udara panas terperangkap dan keadaan ini boleh menghalang asap sampai ke pengesan asap. Ini biasanya terjadi di puncak katedral atau siling bercerun, disudut hujung siling bertemu dengan hujung dinding, dan di antara gelegar lantai yang terdedah.

Untuk maklumat lanjut tentang cara betul memasang pengesan asap, lihat:

[www.buildingcommission.com.au](http://www.buildingcommission.com.au)

## Pengesan asap untuk orang-orang yang cacat pendengaran

Pengesan asap khusus boleh dibeli untuk orang-orang yang cacat pendengaran. Ini dicirikan oleh lampu strob yang memancar dan/atau pad bergetar yang boleh diletakkan di bawah bantal yang akan diaktifkan apabila pengesan asap berbunyi.

Setengah pengesan direka bentuk supaya boleh disambungkan dengan pengesan biasa yang dipasang ditempat lain di sebuah rumah. Jika satu alat pengesan asap berbunyi yang lain juga akan berbunyi, lampu strob akan memancar dan pad akan bergetar.

Ada juga pengesan jenis mudah alih yang boleh dipindahkan dari rumah ke rumah lain.

Tidak ada Standard bagi pengesan asap untuk orang buta, pekak dan cacat pendengaran, tetapi komponen untuk mengesan yang ada dalam alat memenuhi Standard Australia. CFA menyarankan supaya setiap orang membeli pengesan yang memenuhi Standard Australia, AS 3786.

Maklumat lanjut untuk orang-orang yang cacat pendengarannya boleh didapati dari:

**Victorian Deaf Society**

[www.vicdeaf.com.au](http://www.vicdeaf.com.au)

**Disability Information Online**

[www.disability.vic.gov.au](http://www.disability.vic.gov.au)

## Mengganti dan membuang pengesan asap

Pengesan asap tidak boleh digunakan selamanya dan biasanya boleh dipakai lebih-kurang 10 tahun sahaja. Jika pengesan asap anda lebih tua dari 10 tahun, CFA menyarankan supaya ia diganti.

Setengah pengesan asap memberi tarikh akhir ia patut dipakai, tetapi jika pengesan anda masih berbunyi 'bip' selepas anda menggantikan baterinya, alat itu perlu diganti.

Dari bulan September 2007, undang-undang membenarkan alat pengesan asap dibuang sahaja bersama dengan sampah rumah.

# 4

## padamkan/siahkan bahaya




Simpan selimut api dan pemadam api di dalam dapur

Api yang kecil di rumah cepat merebak, maka setiap rumah perlu ada alat-alat melawan api asas di tempat dimana ia mudah diambil.

- Pastikan rumah anda ada pemadam api dan selimut api yang dijaga baik dan belajar bagaimana menggunakannya. Beli alat-alat yang memenuhi Standard Australia AS 2444.
- Ada baiknya jika alat-alat ini disimpan di dapur oleh sebab kebanyakan api bermula di situ.
- Jika kebakaran itu kecil dan terhad kepada satu tempat sahaja dan kalau dirasakan selamat jika dipadamkan sendiri, maka gunakan selimut api atau pemadam api.
- Alat-alat ini boleh dibeli di kedai-kedai perkakasan dan di kebanyakan pasar-raya, ataupun anda boleh membuat pesanan kepada Jabatan Penyenggaraan Alat Kebakaran CFA (CFA's Fire Equipment Maintenance Department).

Lihat laman web: [www.cfa.vic.gov.au/residents/home/equip.htm](http://www.cfa.vic.gov.au/residents/home/equip.htm) untuk maklumat lanjut.



# FIRE

# 5

## menyelamatkan diri jika rumah terbakar

Apakah anda tahu apa yang harus dibuat jika terjadi kebakaran di rumah anda?

**Semua keluarga harus menyediakan pelan dan berlatih menyelamatkan diri.**

Pelan ini mesti mengenalpasti semua jalan keluar rumah serta tempat keluarga akan berkumpul apabila mereka selamat keluar dari rumah.

- Di bahagian belakang buku kecil ini ada sekeping lembaran kerja untuk membantu anda.

Semua yang menjaga anak-anak di rumah atau duduk di rumah harus tahu tentang pelan menyelamatkan diri dari api. Tunjukkan semua jalan keluar dan dimana tempat telefon dan nombor-nombor kecemasan.

**Letakkan nombor-nombor kecemasan dekat telefon.**

- Pastikan nombor-nombor kecemasan diletakkan dekat semua telefon yang ada dirumah anda.
- Tekan 000 untuk kebakaran, polis dan ambulans.
- Tidak ada masa yang terlalu awal untuk mengajar anak-anak bagaimana berhubung dengan perkhidmatan-perkhidmatan kecemasan.

**Adakan latihan kebakaran selalu yang melibatkan seluruh keluarga dan pastikan cara yang paling cepat dan selamat untuk keluar dari setiap bilik, termasuk dari tingkat atas rumah.**

Dapatkan persetujuan keluarga tentang tempat berkumpul di luar dan jangan diubah. Mungkin lokasi yang sesuai ialah dekat peti surat. Pastikan nombor rumah anda boleh dilihat dengan jelas supaya perkhidmatan kecemasan cepat dapat mencari anda.

**Peraturan-peraturan menyelamatkan diri semasa kebakaran**

**Jika pakaian anda terbakar, berhenti, rebahkan badan dan bergolek untuk memadam api.**

- Untuk membantu seorang lain, balut mereka dengan selimut bulu biri.

**Jika ada asap di dalam rumah, cepat merangkak dan terus bergerak keluar.**

- Semasa kebakaran tempat yang paling selamat menarik nafas ialah di lantai dimana udara lebih sejuk dan bersih, jadi ingat supaya merangkak dalam asap.

**Pastikan pintu-pintu tidak panas sebelum membukanya.**

- Gunakan belakang tangan untuk memastikan samada pintu panas, kemudian merangkak keluar. Jika boleh, tutup semua pintu sesudah anda keluar. Jika pintu panas, gunakan jalan keluar lain.

Keluarkan setiap ahli keluarga dari rumah secepat mungkin.

**Panggil bomba dari rumah jiran, telefon awam atau telefon bimbit dan tunggu sehingga mereka tiba.**

- Beritahu mereka lokasi api dan jika ada ahli keluarga yang masih di dalam rumah.

Jangan masuk ke dalam rumah walau apa pun.



Sediakan pelan menyelamatkan diri dari rumah



Pastikan pintu-pintu tidak panas



Dapatkan persetujuan semua tentang tempat berkumpul semula di luar rumah



# 5

## menyelamatkan diri dari kebakaran di rumah



Sejukkan bahagian tubuh yang terbakar dengan air yang mengalir.



Pastikan anda boleh membuka pintu-pintu semasa di dalam rumah.

### Belajar cara memberi pertolongan cemas asas

Jika seorang terbakar:

- 1. Berhentikan proses kebakaran**  
Tanggalkan pakaian, kecuali jika pakaian melekat ke kulit
- 2. Sejukkan bahagian yang terbakar**  
Rendam atau siram bahagian yang terbakar dengan air yang mengalir selama 15 hingga 20 minit. Jangan gunakan minyak, mentega atau salap.
- 3. Tutup**  
Tutup bahagian yang terbakar dengan kain bersih atau 'cling wrap' dan jangan dibiarkan pesakit kedinginan.

Jumpa seorang doctor jika bahagian yang terbakar melepuh, jika bahagian yang terbakar itu lebih besar daripada duit syiling 20 sen, atau jika muka, tangan, kaki atau genitalia terbakar.

**Telefon 000 untuk mendapatkan ambulans.**

### Jangan dibiarkan kunci lokos menghalang anda keluar

Nyawa anda bergantung kepada kecekapan anda keluar dari rumah jika berlaku kebakaran.


Asap merebak dengan cepat dan boleh menghalang pemandangan dan mengelirukan.

- Jangan dikunci pintu yang berkunci lokos semasa di dalam rumah.
- Jika anda perlu menggunakan kunci lokos, simpan anak kunci di dalam lubang kunci atau sediakan tempat menyimpan anak kunci dekat pintu.

# EXIT

# 6

## pelan menyelamatkan diri dari kebakaran rumah



Kebanyakan kebakaran yang membawa maut berlaku di rumah. Walaupun begitu, penyelidikan menunjukkan bahawa ramai penduduk negeri Victoria tidak menyediakan pelan yang menjelaskan apa yang harus dibuat jika berlaku kebakaran.

Setiap rumah harus ada pelan menyelamatkan diri dari kebakaran dan selalu berlatih mengikut pelan itu.

Kebakaran di rumah boleh mendedahkan anda kepada suhu yang lebih tinggi daripada 600centigrad. Walaubagaimanapun, kebanyakan orang mati oleh sebab mereka menyedut asap dan gas-gas toksik lama sebelum api sampai ke mereka.

Keluarga-keluarga yang cukup bersedia lebih mungkin selamat keluar dari rumah tanpa merasa cemas.

Gunakan grid yang disertakan di sini untuk menyediakan pelan menyelamatkan diri dari kebakaran di rumah, dan letakkan pelan ini di tempat yang mudah dilihat. Tempat yang baik ialah dipintu peti.

Kumpulkan semua ahli keluarga anda dan lukis pelan lantai rumah di atas grid dengan menandakan semua jalan keluar.

Biarkan anak-anak turut serta menguruskan pelan. Minta mereka bantu mengenalpasti dua cara yang paling cepat dan selamat untuk keluar rumah dari setiap bilik, termasuk dari tingkat atas.

Putuskan bersama tentang tempat berkumpul di luar rumah dan jangan diubah keputusan itu. Tempat yang mungkin sesuai ialah dekat peti surat.



Apabila anda sudah menyediakan pelan, adakan latihan kebakaran selalu dan uji berapa cepat ahli-ahli keluarga anda dapat keluar dari rumah. Adalah baik jika diadakan latihan sekurang-kurangnya dua kali setahun – lebih kerap lagi jika anak-anak anda masih kecil.

## saranan keselamatan kebakaran di rumah

- Jangan ditinggalkan makanan yang sedang dimasak, padamkan suis alat pemanas dan api pengapian terbuka dan api lilin kalau tiada orang yang hadir.
- Jangan dibebankan papan kuasa elektrik.
- Jaga alat-alat elektrik supaya berada dalam keadaan baik.
- Pastikan habuk dan puntung rokok benar-benar telah padam apinya. Jangan sekali-kali merokok di atas katil.
- Jangan disidai pakaian terlalu dekat dengan alat pemanas.
- Bersihkan kain tirus mesin pengering kain baju selalu dan biarkan kitaran untuk menyejukkan mesin benar-benar tamat.
- Simpan mancis dan pemetik api supaya anak-anak tidak mudah mengambilnya.
- Undang-undang menuntut supaya di setiap rumah ada sekurang-kurangnya satu pengesan asap dalam keadaan baik di setiap tingkat. Bersihkan dan periksa pengesan asap anda selalu dan pastikan ia berada dalam keadaan baik.
- Sediakan pemadam api dan selimut api dan pastikan anda tahu menggunakannya.
- Sediakan pelan dan jalankan latihan menyelamatkan diri dari api.
- Jangan gunakan kunci lokos jika anda di rumah. Simpan anak kunci di dalam lubang kunci atau dekat pintu.

# pelan menyelamatkan diri jika rumah terbakar

- Lukis pelan lantai pada grid dan tandakan semua jalan keluar.
- Pastikan ada dua jalan keluar dari setiap bilik.
- Tentukan tempat bertemu di luar rumah, misalnya dekat peti surat.
- Selalu adakan latihan menyelamatkan diri dari kebakaran untuk seluruh keluarga.
- Letakkan pelan ini di tempat yang mudah dilihat supaya setiap orang tidak akan lupa jalan keluar yang selamat jika berlaku kebakaran. Tampilkan di pintu peti ais anda.





### Pengesan asap

Alat pengesan asap dalam keadaan baik boleh menyelamatkan nyawa. Uji dan bersihkan selalu pengesan asap anda.

### Alat pemanas

Periksa alat pemanas sebelum anda menggunakannya buat pertama kali setiap musim sejuk.

Letakkan alat pemanas sekurang-kurangnya satu meter dari pakaian, langsir dan mainan.

### Lilin

Jauhkan lilin daripada langsir. Letakkan lilin di tempat yang tidak mudah terbakar.

### Bilik tidur

Gunakan satu alat sahaja bagi setiap punca kuasa pada poin kuasa elektrik.

### Selimum elektrik

Pasang selimum elektrik tidak lebih daripada 30 minit sebelum tidur. Padamkan sebelum anda tidur.

### Dapur

Belajar cara menggunakan selimum api dan pemadam api. Jangan ditinggalkan makanan yang sedang dimasak.

### Perapian terbuka

Sentiasa gunakan skrin di hadapan perapian terbuka. Padamkan api sebelum tidur atau sebelum keluar rumah.

### Pintu depan

Anak kunci bagi kunci lokos mesti diletakkan di dalam lubang kunci semasa anda di rumah. Sediakan pelan menyelamatkan diri dari rumah dan adakan latihan – pastikan ada dua cara untuk keluar dari setiap bilik.

### Bilik istirahat

Jangan dibebankan poin kuasa elektrik. Ganti kord-kord kuasa elektrik yang rosak.

### Bilik mencuci pakaian

Bersihkan kain tirus mesin pengering pakaian setiap kali sesudah anda menggunakannya. Biarkan mesin pengering tamat kitarannya – mesin perlu melalui peringkat mendingin.

[www.checkyourhotspots.com](http://www.checkyourhotspots.com)

# kebakaran, polis atau ambulans sila panggil 000



Untuk maklumat lanjut, sila lihat  
[www.cfa.vic.gov.au](http://www.cfa.vic.gov.au) atau telefon CFA  
Community Safety pada (03) 9262 8444

#### Penafian

CFA memberi maklumat dan bahan-bahan tentang pelan menyelamatkan diri dari kebakaran atas pemahaman bahawa anda akan menggunakannya dengan berhati-hati. Jika anda kurang pasti bagaimana untuk menyesuaikan bahan-bahan ini dengan keadaan anda sendiri, anda harus mendapatkan nasihat seorang profesional.

CFA tidak bertanggungjawab atas cara anda menggunakan dan mentafsir maklumat ini atau bergantung kepada maklumat dalam brosur ini. CFA tidak bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau kerosakan berpunca dari penggunaan maklumat ini, samada ia kurang tepat atau silap atau ada yang tertinggal ataupun oleh sebab-sebab lain.

Rekabentuk oleh Mono Design [www.monodesign.com.au](http://www.monodesign.com.au). Gambar oleh Martin Anderson CFA.